



20 Jun 2025
20 June 2025
P.U. (B) 230

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI
KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
BERKENAAN DENGAN IMPORT BESI ATAU KELULI
BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK,
DENGAN KELEBARAN MELEBIHI 1300MM YANG
BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT
CHINA DAN JEPUN**

***NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION
OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING
DUTY WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED
COILS OF IRON OR NON-ALLOY STEEL, OF WIDTH MORE
THAN 1300MM ORIGINATING OR EXPORTED FROM
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA AND JAPAN***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT BESI ATAU KELULI BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK, DENGAN KELEBARAN MELEBIHI 1300MM YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN JEPUN

(AD 01/19 – SR 01/24)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import besi atau keluli bukan aloi gegelung gulungan sejuk, dengan kelebaran melebihi 1300mm tidak termasuk plat hitam kilang timah dan dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif dan finwall untuk transformer, yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.90 00, 7209.17.90 00 dan 7209.18.99 00, yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China dan Jepun (“dagangan subjek”).

Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran

2. Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran ialah penamatan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan lambakan dan kemudaran yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia.

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah lambakan dan kemudaran yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Tempoh pengenalan duti anti-lambakan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai bagi tempoh lima tahun mulai 23 Jun 2025 hingga 22 Jun 2030.

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF
ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF IRON
OR NON-ALLOY STEEL, OF WIDTH MORE THAN 1300MM ORIGINATING OR EXPORTED
FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA AND JAPAN

(AD 01/19 – SR 01/24)

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made an affirmative final determination for the administrative review on the imposition of anti-dumping duties with regard to the imports of cold rolled coils of iron or non-alloy steel, of width more than 1300mm excluding tin mill black plate and subject merchandise imported for the purposes of automotive and finwall for transformer end usage, classified under Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.90 00, 7209.17.90 00 and 7209.18.99 00, originating or exported from the People's Republic of China and Japan ("subject merchandise").

Reason for the affirmative final determination of the administrative review

2. The reason for the affirmative final determination of administrative review is that the expiry of the anti-dumping duties would likely lead to a continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia.

Anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties to be imposed are as specified in the Schedule.

Reason for the imposition of anti-dumping duties

4. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 3 is to prevent the continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product.

Period for the imposition of anti-dumping duties

5. The anti-dumping duties imposed under paragraph 3 shall be applicable for a period of five years from 23 June 2025 to 22 June 2030.

JADUAL/*SCHEDULE*
[Perenggan 3/*Paragraph 3*]

DUTI ANTI-LAMBAKAN/*ANTI-DUMPING DUTIES*

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar/Pengeksport/ <i>Producers/Exporters</i>	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]/ <i>Rate of Duty</i> [<i>Percentage (%) of the</i> <i>Cost, Insurance and</i> <i>Freight (CIF) Value</i>]
Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic</i> <i>of China</i>	Angang Steel Company Limited	4.82%
	Maanshan Iron and Steel Co., Ltd.	4.76%
	Shougang Jingtang United Iron & Steel Co., Ltd.	8.74%
	Lain-lain/ <i>Others</i>	26.38%
Jepun/ <i>Japan</i>	Semua pengeluar atau pengeksport/ <i>All producers or exporters</i>	26.39%

Bertarikh 13 Jun 2025

Dated 13 June 2025

[MITI.S.600-2/2/45; PN(PU2)529/JLD.34]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri/
Minister of Investment, Trade and Industry